Prospek dan Dasar

88-94 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
94-101 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2005
101-102 Dasar Monetari pada Tahun 2005
102-103 Dasar Fiskal pada Tahun 2005
103-105 Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2005
106 *Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing*

Prospek dan Dasar

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Perkembangan pada tahun 2004

Pada tahun 2004, ekonomi dunia berkembang 4.8%, yakni kadar pertumbuhan terpantas semenjak tahun 1984. Pertumbuhan diterajui oleh Amerika Syarikat (AS) serta diperkukuh oleh pertumbuhan di rantau Asia dan pemulihan semula dalam pertumbuhan di Jepun dan Eropah. Pada separuh tahun pertama, pertumbuhan yang dicapai telah mengatasi trend. Ini mencerminkan pemulihan yang nyata daripada pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2003 akibat ketidaktentuan ekonomi ekoran perang di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) di Asia. Sungguhpun terdapat kesan kelembapan akibat kenaikan harga minyak yang mendadak dan trend kadar faedah yang bertukar arah pada separuh tahun kedua, momentum pertumbuhan terus bertahan disebabkan kemapanan perbelanjaan pengguna yang mantap dan pelaburan yang meningkat semula. Secara keseluruhan, ekonomi dunia mempamerkan daya ketahanan yang lebih teguh terhadap kejutan dalam sektor tenaga.

Pertumbuhan global yang kukuh dicerminkan oleh pertumbuhan yang ketara dalam perdagangan antarabangsa dan aliran kewangan. Perdagangan dunia berkembang 8.8% pada tahun 2004, disokong oleh kitaran menaik sektor elektronik global, harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan import yang meningkat, terutamanya dari AS dan Republik Rakyat China (RR China). Di rantau Asia, perkembangan tersebut yang sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, telah menyumbang kepada peningkatan yang berterusan dalam perdagangan intrarantau. Dalam pasaran kewangan, indeks ekuiti pasaran utama meningkat dengan nyata, dirangsang oleh sentimen pelabur yang optimistik dalam keadaan pendapatan korporat yang lebih tinggi. Dalam pasaran pertukaran asing, kebimbangan yang kian memuncak terhadap ketidakseimbangan akaun semasa AS yang besar dan semakin melebar, serta kemapanan aliran masuk modal untuk membiayai defisit, telah menyebabkan dolar AS menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama yang lain.

Di kalangan negara perindustrian utama, **AS** mencatat pertumbuhan yang mengatasi trend pada tahun 2004. Sumber pertumbuhan adalah menyeluruh, merangkumi pengembangan yang mapan dalam penggunaan, perbelanjaan pelaburan yang kukuh, serta pembinaan semula inventori. Perbelanjaan isi rumah juga kekal teguh sepanjang tahun 2004. Walaupun potongan cukai semakin berkurangan, peningkatan kekayaan sektor isi rumah yang didorong oleh peningkatan harga rumah dan kadar gadai janji yang paling rendah dalam sejarah, terus memberi rangsangan yang ketara kepada perbelanjaan penggunaan. Keadaan pasaran buruh yang lebih baik terutamanya pada separuh tahun kedua telah menjana pendapatan isi rumah dan keyakinan pengguna yang lebih tinggi. Di samping itu, perbelanjaan pelaburan yang kukuh telah disokong oleh kedudukan kewangan korporat yang baik dan permintaan yang semakin meningkat, serta diperkukuhkan lagi oleh insentif cukai pelaburan. Selepas mengalami paras inventori yang rendah pada tahun 2003, peningkatan permintaan yang mendadak yang melebihi jangkaan pada tahun 2004, telah membawa kepada pembinaan semula inventori yang nyata. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan. Namun begitu, permintaan yang kukuh dalam suasana harga minyak yang lebih tinggi telah mengakibatkan defisit akaun semasa bertambah besar.

Pemulihan ekonomi di **Jepun** pada separuh tahun pertama adalah lebih baik daripada jangkaan disebabkan oleh pertumbuhan eksport dan pemulihan penggunaan swasta yang sederhana. Pertumbuhan di **kawasan euro** juga bertambah baik disokong terutamanya oleh permintaan eksport yang lebih kukuh. Namun, pertumbuhan ini masih lagi di bawah trend. Di **United Kingdom** (UK), perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang kukuh terus memapankan pertumbuhan.

Di **rantau Asia (tidak termasuk Jepun)**, kadar pertumbuhan pada tahun 2004 melonjak kepada 7.5%, kadar tertinggi sejak tahun 2001. RR China menerajui pertumbuhan, dengan peningkatan yang kukuh dalam pelaburan tetap, penggunaan yang mantap serta pertumbuhan eksport. Secara keseluruhan, pertumbuhan yang mantap di rantau Asia didorong oleh peningkatan yang pesat dalam eksport serta pengukuhan yang berterusan dalam penggunaan dalam negeri. Di kebanyakan negara di rantau ini, kenaikan dalam penggunaan dalam negeri ialah hasil daripada peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna. Pertumbuhan eksport naik dengan nyata kepada 26.2% (2003: 19.7%), walaupun eksport lembap sedikit menjelang separuh tahun kedua.

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK benar (%)			Inflasi (%)		
	2003	2004*a*	2005*r*	2003	2004*a*	2005*r*
Pertumbuhan Dunia	**3.9**	**4.8**	**4.0**	–	–	–
Perdagangan Sedunia	**5.1**	**8.8**	**5.8**	–	–	–
Negara-negara Perindustrian Utama	**2.0**	**3.4**	**2.6**	**1.8**	**2.0**	**2.1**
Amerika Syarikat	3.0	4.4	3.5	2.3	2.7	3.0
Jepun	1.4	2.6	1.3	-0.3	0.0	-0.1
Kawasan euro	0.5	2.0	1.5	2.1	2.2	1.9
United Kingdom[1]	2.2	3.1	2.1	1.4	1.3	1.9
Asia Timur	**6.4**	**7.5**	**6.3 ~ 6.5**	**1.8**	**3.4**	**2.9 ~ 3.2**
NIE Asia	**3.0**	**5.8**	**4.1 ~ 4.2**	**1.2**	**2.3**	**2.3 ~ 2.4**
Korea	3.1	4.7	4.0	3.6	3.6	3.0
China Taipei	3.3	5.7	4.2	-0.3	1.6	1.9
Singapura	1.4	8.4	3.0 ~ 5.0	0.5	1.7	1.0 ~ 2.0
Hong Kong China[2]	3.2	7.5	4.5	-2.6	-0.4	1.5
Republik Rakyat China	**9.3**	**9.5**	**8.5**	**1.2**	**3.9**	**3.0**
ASEAN[3]	**4.8**	**6.3**	**5.0 ~ 5.9**	**3.8**	**4.5**	**3.9 ~ 5.1**
Malaysia	5.3	7.1	5.0 ~ 6.0	1.2	1.4	2.5
Thailand	6.9	6.1	5.3 ~ 6.3	1.8	2.8	2.5 ~ 3.5
Indonesia	4.9	5.1	5.0 ~ 6.0	6.6	6.1	5.0 ~ 7.0
Filipina	4.7	6.1	5.3 ~ 6.3	3.1	5.9	5.0 ~ 6.0

[1] Inflasi merujuk kepada Indeks Harga Runcit, tidak termasuk kadar faedah gadai janji.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, *OECD Economic Outlook*, Sumber daripada pihak berkuasa negara

Perdagangan intrarantau seperti yang diukur oleh peratusan eksport ke negara-negara di rantau ini daripada jumlah eksport serantau, terus meningkat melebihi 40% (2000: 36%).

Pertumbuhan dalam penggunaan telah disokong oleh kadar faedah yang rendah, peningkatan berterusan dalam pembiayaan kepada pengguna dan pendapatan yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerjaan yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna di Korea terus menguncup sejak suku kedua tahun 2003, dengan isi rumah mengalami konsolidasi selepas pertumbuhan yang mendadak dalam sektor kad kredit pada tahun 2002. Sementara itu, pelaburan tetap di kebanyakan negara serantau tumbuh pada kadar dua angka yang rendah, hasil peningkatan semula dalam permintaan terhadap keluaran teknologi, kemajuan dalam penstrukturan semula korporat, keuntungan korporat yang bertambah baik dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan.

Kedudukan pembayaran luaran yang lebih kukuh telah disokong oleh lebihan akaun semasa yang mapan dan aliran masuk modal swasta yang besar, justeru menyebabkan pengukuhan yang berterusan pada rizab antarabangsa. Asas-asas makroekonomi yang bertambah baik dan sektor perbankan yang lebih teguh menyebabkan penarafan berdaulat bagi beberapa buah negara serantau meningkat.

Prospek Tahun 2005

Melangkah ke hadapan, prospek bagi tahun 2005 kekal menggalakkan. Keluaran dan perdagangan dunia diramal berkembang pada kadar yang mantap, masing-masing pada 4% dan 5.8% pada tahun 2005. Kadar penurunan dalam pertumbuhan di AS dan RR China dijangka sederhana, berdasarkan penyelarasan secara beransur-ansur terhadap ketidakseimbangan di negara-negara tersebut. Senario tersebut mengandaikan kelemahan dolar AS berlaku secara teratur dan defisit fiskal AS bertambah kecil, walaupun pada kadar yang sederhana. Selain itu, ekoran harga minyak yang menurun daripada puncaknya pada bulan Oktober 2004, tekanan inflasi dijangka kekal terurus, dengan itu memberikan fleksibiliti pada kadar faedah AS untuk dinaikkan secara beransur-ansur sehingga ke tahap neutral. Oleh itu, dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan. RR China pula dijangka berupaya mengurus kadar pertumbuhan ekonominya yang lebih sederhana.

Negara-negara Perindustrian

Pada tahun 2005, pertumbuhan ekonomi **AS** dijangka hampir pada tahap potensi, dengan KDNK benar meningkat sebanyak 3.5%. Manakala rangsangan daripada kesan kekayaan ekoran harga rumah yang lebih tinggi dan pembiayaan semula gadai janji yang berkurangan, pendapatan yang lebih tinggi hasil daripada pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan serta kadar pengangguran yang lebih rendah, akan menyokong perbelanjaan penggunaan. Di sektor korporat, pertumbuhan dalam perbelanjaan pelaburan dijangka berterusan, walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Ini hasil daripada lebihan kapasiti yang semakin kecil, kedudukan kewangan korporat yang baik, dan insentif yang diberikan di bawah perundangan baru untuk menggalakkan pembawaan pulang keuntungan untuk tujuan pelaburan dalam negara. Sementara itu, defisit fiskal AS dijangka mengecil sedikit. Permintaan dalam negeri yang sederhana dijangka mengurangkan defisit akaun semasa dalam suasana dolar AS yang lebih lemah.

Di **Jepun**, jangkaan pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2005, sebahagian besarnya mencerminkan kelembapan permintaan luar negeri. Perbelanjaan modal dijangka terjejas akibat permintaan eksport terhadap barangan modal yang lebih rendah, terutamanya apabila langkah-langkah diambil untuk menyederhanakan kepesatan pelaburan di RR China, mula menampakkan kesan.

Di **kawasan euro**, pemulihan adalah tidak seimbang. Permintaan akhir dalam negeri dijangka tumbuh dengan lebih mantap di Perancis dan Sepanyol, tetapi lebih lemah di Jerman dan Itali. Di Jerman, pertumbuhan dijangka lembap berikutan pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan dalam suasana penyelarasan pasaran pekerja dan beberapa peningkatan dalam tabungan isi rumah hasil daripada reformasi sistem keselamatan sosial. Naik nilai euro yang kukuh juga akan menjejaskan negara-negara pengeksport yang lebih besar seperti Jerman dan Perancis, dengan eksport ke negara-negara bukan Kesatuan Eropah mencakupi 40% daripada jumlah eksport. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pelaburan dijangka meningkat sedikit hasil daripada kesan penstrukturan semula kedudukan kewangan korporat yang berterusan, sungguhpun ia agak ketinggalan di belakang AS dan Jepun.

Di **UK**, pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2005 dijangka berkembang dengan sederhana sebanyak 2.1%. Ini berikutan penggunaan isi rumah tumbuh pada kadar yang lebih mapan ekoran kenaikan dalam kadar faedah sebelum ini, serta kesan kekayaan yang disebabkan oleh pasaran perumahan yang kurang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pasaran pekerjaan hampir pada tahap guna tenaga penuh kerana pengambilan pekerja yang berterusan oleh sektor swasta. Perbelanjaan pelaburan akan terus berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disebabkan oleh penurunan dalam lebihan kapasiti. Walaupun pasaran perumahan telah menjadi semakin perlahan sehingga kini, pembetulan harga rumah yang mendadak akan tetap membimbangkan.

Pertumbuhan global akan kekal mapan pada kadar yang stabil pada tahun 2005. Kadar penurunan dalam pertumbuhan di Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China dijangka sederhana, dengan penyelarasan terhadap ketidakseimbangan akaun semasa dilaksanakan secara beransur-ansur. Dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2004-2005)



a Anggaran
r Ramalan

Walaupun pertumbuhan global pada tahun 2005 dijangka kekal pada kadar yang stabil, wujud beberapa risiko yang boleh memberi kesan buruk kepada prospek pertumbuhan tersebut. Inflasi boleh meningkat ke paras yang lebih tinggi daripada jangkaan, yang akan mengakibatkan kadar faedah global yang lebih tinggi. Dalam pasaran kewangan, jajaran semula mata wang utama yang tidak teratur boleh menjejaskan perdagangan dan pelaburan. Sebagai enjin pertumbuhan global yang bersifat menyokong, kadar pertumbuhan RR China yang menurun dengan ketara boleh merendahkan prospek pertumbuhan di Asia.

Pada tahun 2005, pertumbuhan ekonomi AS dijangka hampir pada tahap potensi. Pengembangan ekonomi akan disokong oleh suasana pasaran pekerja yang bertambah baik dan kedudukan kewangan sektor korporat yang kukuh.

Ekonomi Asia Timur

Dengan persekitaran luar negeri dan permintaan dalam negeri yang dijangka kekal menggalakkan, pertumbuhan di rantau Asia Timur diramal berkembang antara 6.3% – 6.5%. Kesan bencana tsunami ke atas ekonomi dianggarkan kecil, dengan kesan bencana tersebut kepada sektor pelancongan dan industri perikanan di negara-negara yang terbabit adalah untuk jangka pendek sahaja.
Di kalangan negara serantau, RR China akan terus kekal sebagai peneraju pertumbuhan serantau. Di negara Asia yang lain, kadar pertumbuhan dijangka berbeza-beza antara satu negara dengan negara yang lain, bergantung pada pendedahan negara-negara tersebut kepada penurunan dalam kitaran elektronik global.

Dalam sektor luar negeri, industri elektronik global sedang mengukuhkan kedudukannya setelah mencapai puncak kitaran pada pertengahan tahun 2004. Tidak seperti kitaran yang lepas, dengan permintaan dan penawaran mengalami penguncupan serentak (pada tahun 2001), kitaran menurun masa kini bercirikan pengumpulan inventori yang disebabkan pengeluaran yang berlebihan pada separuh pertama tahun 2004. Oleh itu, kitaran menurun yang dialami sekarang dijangka sederhana memandangkan permintaan dunia terus kukuh dan tahap inventori secara relatif masih rendah.

Di sektor dalam negeri di rantau Asia Timur, asas ekonomi yang menggalakkan akan terus menyokong pertumbuhan perbelanjaan dalam negeri ketika pertumbuhan secara keseluruhan adalah kukuh, di samping kemajuan dalam penstrukturan semula ekonomi. Kenaikan dalam pendapatan boleh guna dan peningkatan dalam guna tenaga akan mendorong penggunaan yang mapan. Satu lagi faktor penyumbang utama ialah peningkatan tenaga pekerja di kalangan kumpulan umur muda dalam persekitaran pembandaran yang pesat, yang cenderung berbelanja dengan lebih tinggi.
Permintaan swasta juga mendapat manfaat daripada pendirian monetari yang akomodatif. Walaupun kadar faedah meningkat di sesetengah negara, kenaikan tersebut adalah beransur-ansur dan daripada paras paling rendah dalam sejarah.
Permintaan dalam negeri juga dijangka kekal berdaya tahan memandangkan peningkatan daripada sumbangan perdagangan intrarantau yang sebahagian besar adalah untuk penggunaan akhir di rantau Asia. Sementara itu, kemajuan dalam penstrukturan semula korporat, keuntungan korporat yang lebih baik, serta mudah tunai yang besar, dijangka membantu meningkatkan pelaburan.
Pendirian mengenai konsolidasi fiskal kekal seiring dengan langkah-langkah baru untuk meningkatkan hasil cukai, menyusun semula perusahaan awam dan mengurangkan subsidi minyak.

Penggalakan sektor pertumbuhan baru di beberapa buah negara juga berjaya dalam mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan mempertingkatkan daya tahan. Peluasan asas ekonomi supaya meliputi penggalakan PKS, perniagaan asas tani dan industri perkhidmatan, telah menyumbang kepada peningkatan dalam pertumbuhan.

Sebagai satu kumpulan, **Ekonomi Perindustrian Baru (NIE Asia)** dijangka berkembang antara 4.1 – 4.2%, didorong oleh perdagangan intrarantau dan permintaan dalam negeri.

RR China dijangka terus menerajui pertumbuhan serantau dengan mencatat pertumbuhan KDNK benar sebanyak 8.5% pada tahun 2005, lebih tinggi daripada sasaran awal sebanyak 7%. Kadar pertumbuhan pelaburan dan kredit yang masih tinggi pada tahun 2004, telah menambah kebimbangan tentang pertumbuhan yang melebihi tahap keluaran potensi dan kemapanan pertumbuhan untuk jangka masa

Graf 3.2
Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

panjang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah dasar pada tahun 2004 untuk menangani kebimbangan tersebut telah menghasilkan jajaran semula pertumbuhan dalam pelaburan tetap dan pengembangan kredit.

Pertumbuhan di rantau Asia Timur dijangka berkembang pada kadar yang agak tinggi. Kitaran menurun yang sedang dialami oleh sektor elektronik dijangka sederhana memandangkan permintaan dunia terus kukuh dan tahap inventori secara relatifnya masih rendah berbanding dengan tahun 2001. Di sektor dalam negeri, asas ekonomi yang menggalakkan dan kemajuan dalam usaha penstrukturan semula ekonomi dijangka menyokong pertumbuhan permintaan dalam negeri.

Di **Korea**, KDNK benar diunjurkan meningkat pada kadar 4% pada tahun 2005. Penggunaan swasta dijangka pulih selepas mengalami kemerosotan selama dua tahun berturut-turut, berikutan usaha Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan fiskal bernilai 10 trilion won (AS$10 bilion) yang bertujuan menyokong pertumbuhan pada tahun 2005 dan mewujudkan 400,000 pekerjaan. Pelaburan dalam sektor pembinaan diramal perlahan. Walau bagaimanapun, prestasi eksport dijangka terjejas oleh penurunan dalam pertumbuhan industri elektronik global.

Dengan disokong oleh hubungan ekonomi yang kukuh dengan RR China, pertumbuhan ekonomi **Hong Kong China** dijangka berkembang pada kadar 4.5% pada tahun 2005. Hubungan ekonomi yang rapat antara Hong Kong China dengan RR China serta jangkaan penilaian semula Renminbi telah menggalakkan aliran masuk dana yang berterusan. Aliran masuk dana yang kukuh dan mudah tunai yang besar telah membolehkan kadar pemberian pinjaman komersial kekal rendah, walaupun terdapat kenaikan dalam kadar diskaun semalaman *Hong Kong Monetary Authority* (HKMA) yang mengekori dengan rapat trend kadar faedah AS. Pertumbuhan **China Taipei** pula dijangka menjadi sederhana kepada 4.2%, berikutan eksport yang lebih perlahan selepas pengembangan yang kukuh pada tahun 2004.

Di **Singapura**, pertumbuhan ekonomi diramal berada dalam lingkungan 3 – 5%, bergantung pada prestasi sektor elektronik. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam kepelbagaian industri termasuk bio-perubatan dan perkhidmatan kewangan dan pendidikan akan mengurangkan kesan kitaran elektronik. Tambahan pula, keadaan pengangguran yang bertambah baik dan harga aset yang lebih tinggi akan memberi sokongan kepada penggunaan dalam negeri.

Pada tahun 2005, ekonomi **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka berkembang antara 5 – 5.9%. Di **Thailand**, pertumbuhan KDNK benar dijangka berada sekitar 5.3 – 6.3%. Pilihan raya dan perbelanjaan infrastruktur pada tahun tersebut akan memberi sokongan tambahan kepada permintaan dalam negeri. Pertumbuhan KDNK benar di **Filipina** diunjurkan meningkat di antara 5.3 – 6.3%. Jurang fiskal dijangka terus mengecil pada tahun 2005, berikutan pengenalan langkah-langkah reformasi cukai. Di **Indonesia**, pertumbuhan KDNK dijangka antara 5 – 6%, pertumbuhan tertinggi dalam tempoh sembilan tahun, dengan penggunaan swasta menjadi sumber utama pertumbuhan. Prospek pelaburan juga bertambah baik, dengan pemulihan yang nyata pada separuh kedua tahun 2004 dan dijangka bertambah kukuh.

Berhubung dengan **inflasi global**, kenaikan harga diramal meningkat secara beransur-ansur, terutamanya akibat kesan susulan harga komoditi yang tinggi dan

pengecilan jurang keluaran di beberapa negara. Kesan susulan inflasi di beberapa negara mungkin meningkat dengan cepat kerana indeks harga pengeluar meningkat lebih pantas daripada indeks harga pengguna untuk beberapa lama, manakala margin keuntungan korporat yang menurun telah menghakis keupayaan untuk menyerap kos pengeluaran yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka meningkat secara beransur-ansur kerana produktiviti pekerja terus mengatasi pertumbuhan upah benar.

Pada tahun 2005, tekanan inflasi di negara serantau dijangka bertambah, kecuali di Korea. Di Hong Kong China, tekanan deflasi telah mula menurun, manakala di Indonesia, tekanan ke atas harga dijangka meningkat ekoran cadangan Kerajaan untuk melupuskan subsidi minyak. Walau bagaimanapun, di Korea, kadar inflasi dijangka meningkat dengan sederhana, mencerminkan harga minyak dan pertumbuhan upah dalam negeri yang stabil serta permintaan dalam negeri yang masih lemah dan pengukuhan won yang berterusan.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Mata Wang

Pada tahun 2004, **dasar monetari** negara perindustrian utama kekal akomodatif. Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang teguh dengan kenaikan kadar inflasi yang kecil, beberapa bank pusat mula menaikkan kadar faedah daripada tahap yang rendah kepada kedudukan yang lebih neutral.

Di AS, setelah mengekalkan kadar faedah rasmi yang stabil pada separuh pertama tahun 2004, permintaan dalam negeri yang kukuh serta pengaruh faktor-faktor penawaran yang lain (harga tenaga yang lebih tinggi) telah mendorong ***Federal Reserve Board*** **(Fed) AS** menaikkan kadar faedah pada bulan Jun 2004. Ini merupakan peningkatan yang pertama dalam tempoh empat tahun. Langkah ini menandakan hasrat *Federal Reserve* untuk kembali ke dasar monetari yang lebih neutral secara beransur-ansur. Kadar faedah telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada setiap enam mesyuarat *Federal Reserve*. Ini meningkatkan kadar *Federal funds* ke tahap 2.50% di awal tahun 2005. Sementara itu, di UK, ***Bank of England*** **(BOE)** menaikkan kadar pemberian pinjaman asas sebanyak dua kali pada tahun 2004, iaitu 25 mata asas bagi setiap kenaikan pada bulan Februari dan Ogos, ke tahap 4.75%. Tindakan ini diambil kerana kekukuhan yang berterusan di pasaran perumahan serta peminjaman pengguna yang pesat.

Di kawasan euro, walaupun terdapat peningkatan dalam kadar inflasi yang disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih tinggi pada tahun 2004,

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



European Central Bank **(ECB)** mengekalkan kadar repo yang (ditandaaraskan) pada tahap 2% di sepanjang tahun untuk menyokong permintaan dalam negeri dan prospek pertumbuhan yang lemah di kawasan euro. Sepanjang tahun 2004, dengan kadar faedah jangka pendek rasmi (kadar panggilan semalaman tanpa cagaran) sebanyak kosong peratus di Jepun, ***Bank of Japan*** **(BOJ)** terus menggunakan langkah-langkah kelegaan kuantitatif, yang diperkenalkan empat tahun yang lalu, untuk menambah mudah tunai dalam sistem perbankan bagi membendung tekanan deflasi. Pada akhir tahun 2004, sasaran langkah kelegaan kuantitatif untuk baki akaun semasa bank perdagangan dan institusi kewangan di BOJ, adalah antara 30 hingga 35 trilion yen.

Pada separuh tahun kedua, beberapa negara serantau seperti Thailand, China Taipei dan RR China menaikkan kadar faedah masing-masing untuk membendung tekanan inflasi yang semakin meningkat ekoran harga minyak dunia yang lebih tinggi dan harga makanan yang semakin meningkat. Sebaliknya, Korea menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali untuk menyokong permintaan dalam negeri.

Pada tahun 2005, pengaturan masa dan magnitud tindakan dasar monetari adalah bergantung kepada faktor-faktor yang khusus bagi sesebuah negara, termasuk kekuatan pertumbuhan ekonomi, jangkaan inflasi, pergerakan dalam kadar pertukaran asing dan prestasi pasaran kewangan.

Dalam pasaran **pertukaran asing**, nilai dolar AS terus menyusut berbanding dengan kesemua mata wang utama pada tahun **2004**, iaitu penyusutan yang

Graf 3.4
Pergerakan Dolar AS Berbanding Mata Wang Utama



bermula sejak awal tahun 2002. Jika diukur dari sudut wajaran perdagangan[1], nilai dolar telah menurun kira-kira 17% daripada puncaknya pada bulan Mac 2002 sehingga akhir bulan Disember 2004. Walaupun penyusutan nilai kumulatif paling ketara apabila dibandingkan dengan mata wang utama seperti euro (36%), sterling (24%) dan yen (23%), yang penting ialah dolar telah mula menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang Asia pada suku terakhir tahun 2004. Pada asas kumulatif, dolar telah menyusut nilai sebanyak 21% berbanding dengan won Korea dan kira-kira 10% berbanding dengan dolar Singapura dan dolar Taiwan sejak bulan Mac 2002. Dalam persekitaran dolar yang lebih lemah, euro menambah nilai pada tahun 2004 dan mengakhiri tahun tersebut dengan catatan tertinggi E1=AS$1.3538, sementara beberapa mata wang Asia juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2004.

Gabungan beberapa faktor telah menyebabkan penyusutan nilai dolar. Faktor utama trend penurunan ialah tekanan daripada masalah struktur di AS, iaitu defisit akaun semasa yang semakin melebar dan besar. Selain itu, defisit fiskal juga merupakan faktor penyumbang yang agak penting. Corak susutan nilai dolar yang secara relatif agak tersusun, adalah berkaitan dengan trend dalam pembiayaan defisit akaun semasa. Sejak tahun 2002, aliran masuk rasmi yang besar dari rantau Asia menjadi sumber penting pembiayaan defisit akaun semasa, berbeza dengan tahun 2000 apabila aliran pelaburan langsung asing lebih penting disebabkan oleh pertumbuhan pesat berkaitan teknologi di AS. Secara keseluruhan, keadaan yang akan mengakibatkan penyusutan nilai dolar seterusnya, masih lagi wujud. Walau bagaimanapun, dolar dijangka mendapat sokongan jangka panjang, memandangkan kedudukan dolar sebagai mata wang utama perdagangan dan urus niaga kewangan antarabangsa.

Pada tahun 2005, pergerakan dolar berbanding dengan mata wang utama yang lain dijangka dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor-faktor ini termasuk pembahagian semula aset global antara mata wang utama, corak penyelarasan dalam ketidakseimbangan global, tanggapan pelabur tentang pertumbuhan ekonomi dan perbezaan kadar faedah dan prestasi pasaran ekuiti dan bon. Seterusnya, isu-isu khusus bagi sesebuah negara yang berkaitan trend inflasi dan premium risiko geopolitik juga boleh mempengaruhi sentimen terhadap mata wang utama.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2005

Prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2005 kekal memberangsangkan. KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 5 - 6%. Pertumbuhan global yang mapan, kelembapan yang sederhana dalam industri separa konduktor global dan harga komoditi utama yang secara relatif menggalakkan dijangka menyokong pertumbuhan eksport. Walaupun perkembangan industri elektronik global menurun sedikit setelah mencapai tahap tertinggi pada pertengahan tahun 2004, kitaran menurun tersebut dijangka sederhana memandangkan permintaan daripada negara Asia yang kukuh, penyelarasan inventori yang pesat dan tahap inventori yang secara relatifnya rendah. Penunjuk semasa memberikan tanda-tanda bahawa kitaran elektronik global dijangka meningkat pada separuh kedua tahun 2005. Bagi ekonomi dalam negeri, sektor swasta akan terus menjadi peneraju pertumbuhan yang utama, manakala Kerajaan kekal komited untuk mengoptimumkan perbelanjaan bagi

KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 5 - 6% pada tahun 2005. Sektor swasta akan menjadi pemangkin pertumbuhan manakala Kerajaan kekal komited untuk mengoptimumkan perbelanjaan. Dasar monetari kekal menyokong peningkatan seterusnya dalam aktiviti sektor swasta.

[1] Indeks nominal secara luas *Federal Reserve* AS

Jadual 3.2
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2004*a*	2005*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri[1]	**7.3**	**4.3**
Perbelanjaan sektor swasta	11.1	8.7
Penggunaan	*10.1*	*8.5*
Pelaburan	*15.8*	*9.6*
Perbelanjaan sektor awam	1.0	-4.0
Penggunaan	*6.6*	*4.5*
Pelaburan	*-3.5*	*-11.6*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-22.3**	**43.1**
Eksport	15.6	8.1
Import	19.8	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

mengukuhkan kedudukan fiskal. Dengan inflasi teras dijangka terus rendah pada tahun 2005 (1.8%), dasar monetari dapat terus menyokong peningkatan aktiviti sektor swasta.

prospek pertumbuhan pendapatan yang secara relatifnya kukuh, perbelanjaan penggunaan swasta akan kekal sebagai sumber rangsangan penting kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2005. Di samping keadaan ekonomi semasa yang menggalakkan, faktor jangka panjang juga adalah positif bagi pertumbuhan penggunaan yang mapan. Pada masa ini, nisbah penggunaan swasta kepada KDNK (45.4%) di Malaysia merupakan antara yang terendah di dunia serta tahap keberhutangan isi rumah yang rendah mengikut taraf antarabangsa. Hasilnya, skop bagi pertumbuhan penggunaan swasta yang mapan masih tinggi.

Perbelanjaan **pelaburan swasta** juga dijangka terus berdaya tahan dan diramal meningkat 9.6%. Ini berdasarkan penilaian terhadap perbelanjaan modal yang dijangka lebih tinggi dalam kesemua sektor kecuali sektor pembinaan. Penunjuk masa hadapan berdasarkan permintaan dan pertumbuhan industri baru menunjukkan trend menaik yang berterusan dalam aktiviti sektor swasta. Kerajaan telah menyediakan persekitaran yang menggalakkan

Aktiviti sektor swasta akan terus memacu permintaan dalam negeri pada tahun 2005, manakala Kerajaan meneruskan dasar konsolidasi fiskal secara beransur-ansur. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mapan serta persekitaran kredit yang akomodatif, sementara perbelanjaan pelaburan swasta akan menambah kapasiti dalam keadaan permintaan yang kukuh.

Permintaan Dalam Negeri

Semua komponen permintaan, kecuali pelaburan awam, dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2005. Khususnya, perbelanjaan sektor swasta diunjur mengekalkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.7% (11.1% pada tahun 2004). Penggunaan isi rumah dan perbelanjaan perniagaan diunjur mengekalkan daya tahan masing-masing, seterusnya mengimbangi sebahagian daripada kesan perbelanjaan pelaburan awam yang lebih rendah hasil daripada program konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur. Penggunaan awam dijangka meningkat dengan sederhana disebabkan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 8.5%. Keadaan pasaran pekerja yang stabil, persekitaran kredit yang menyokong dan harga komoditi yang tinggi akan terus menyokong perbelanjaan penggunaan. Oleh itu, dengan

untuk sektor swasta melabur dalam sektor pertumbuhan baru dengan menyediakan infrastruktur yang diperlukan dan memberikan insentif fiskal dan bukan fiskal serta kemudahan pembiayaan. Sistem penghantaran sektor awam yang lebih baik dan kos modal yang lebih rendah akan terus menyumbang kepada memperbaiki iklim pelaburan, seterusnya menggalakkan pelaburan langsung asing baru dan pelaburan semula bagi menyokong pelaburan dalam negeri.

Sektor perkilangan, yang mencakupi lebih kurang satu pertiga daripada jumlah pelaburan sektor swasta, dijangka mencatat pertumbuhan positif yang kukuh bagi tahun ketiga berturut-turut. Perbelanjaan modal untuk projek yang telah diberi komitmen akan diteruskan pada tahun 2005. Dalam tempoh ketika keadaan operasi perniagaan menggalakkan, pekilang-pekilang dijangka meneruskan usaha menggantikan peralatan dan jentera yang usang bagi meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti bagi memenuhi permintaan yang berubah-ubah.

Jadual 3.3
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2004*a*	2005*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan dalam negeri[1]	**6.6**	**3.9**
Perbelanjaan sektor swasta	6.2	5.1
Penggunaan	*4.7*	*4.1*
Pelaburan	*1.5*	*1.0*
Perbelanjaan sektor awam	0.3	-1.3
Penggunaan	*1.0*	*0.7*
Pelaburan	*-0.6*	*-1.9*
Perubahan dalam stok	*2.9*	*-2.3*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-2.4**	**3.4**
Eksport	17.0	9.6
Import	19.5	6.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan perbelanjaan modal yang paling kukuh dijangka daripada sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor utiliti dan telekomunikasi. Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti dijangka sebahagian besarnya tertumpu pada pembangunan yang berterusan stesen jana kuasa berasaskan arang batu dan projek air. Dalam subsektor telekomunikasi, perbelanjaan modal dijangka disalurkan untuk integrasi, peningkatan dan pembaikan kecekapan dan kapasiti rangkaian selular. Penambahbaikan infrastruktur yang sedia ada akan membolehkan syarikat selular berpindah ke teknologi yang lebih maju, terutamanya penyiaran generasi ketiga (3G). Usaha penting yang sedang dilaksanakan bukan sahaja untuk membangunkan aplikasi baru mengikut piawai tetapi juga untuk memastikan aplikasi berasaskan protokol tanpa wayar (WAP) yang lama dan perkhidmatan mesej multi media diintegrasikan dengan teknologi yang lebih baik. Di samping perbelanjaan sektor telekomunikasi yang lebih tinggi, perbelanjaan teknologi maklumat (IT) juga dijangka meningkat hasil daripada usaha institusi kewangan dan perusahaan perniagaan meningkatkan kecekapan operasi melalui penggunaan aplikasi perniagaan yang lebih pantas dan canggih.

Dengan penemuan medan minyak baru pada tahun 2003 dan 2004, perbelanjaan modal sektor minyak dan gas dijangka lebih tinggi, didorong oleh aktiviti penerokaan dan pembangunan.

Sementara itu, penjenteraan dan automasi yang berterusan dalam kaedah pengeluaran makanan akan terus menyokong perbelanjaan dalam sektor pertanian. Dalam sektor pembinaan, perbelanjaan modal dalam segmen rumah kediaman dijangka kekal mapan.

Pada tahun 2005, perbelanjaan sektor awam dijangka menurun sebanyak 4% disebabkan program konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan. **Pelaburan awam** dianggarkan mencatat penurunan sebanyak 11.6%. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan menjadi lebih rendah, keutamaan perbelanjaan akan tertumpu pada projek bersaiz lebih kecil dengan kos yang lebih rendah, termasuk projek bagi menggiatkan lagi sektor pertanian dan peningkatan perbelanjaan pendidikan dan latihan, kesihatan dan perumahan. Ini akan memberi manfaat kepada sebahagian besar penduduk, terutamanya kumpulan berpendapatan lebih rendah, dengan itu memastikan pengagihan manfaat pembangunan yang lebih seimbang antara segmen masyarakat yang berbeza. **Penggunaan awam** dijangka meningkat walaupun pada kadar sederhana sebanyak 4.5%, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Prospek Sektoral

Dari segi penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan dalam semua sektor, kecuali sektor pembinaan. Berikutan pengembangan pengeluaran yang kukuh pada tahun 2004, sektor perkilangan dijangka meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 4.5% pada tahun 2005 sejajar dengan perkembangan dalam industri separa konduktor global. Sektor perkhidmatan dijangka kekal kukuh disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelancongan serta pengembangan yang kukuh dalam aktiviti telekomunikasi, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sektor komoditi utama dijangka terus mendapat manfaat daripada pengeluaran minyak sawit mentah, getah, gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi serta peningkatan sumbangan daripada aktiviti pertanian lain, terutamanya aktiviti

Pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan komoditi. Asas sektor perkilangan yang pelbagai dijangka membantu menyederhanakan kesan konsolidasi yang sedang berlaku dalam industri elektronik.

Jadual 3.4
KDNK Benar Mengikut Sektor (1987=100)

	2004*a*	2005*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	5.0	3.3
Perlombongan	4.1	5.0
Perkilangan	9.8	4.5
Pembinaan	-1.9	-1.0
Perkhidmatan	6.7	5.7
KDNK Benar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

berkaitan makanan. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka kekal lemah disebabkan oleh kemerosotan aktiviti dalam segmen kejuruteraan awam.

Dalam sektor **perkilangan**, permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran kimia dan getah serta pertumbuhan yang mapan dalam pengeluaran industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri, yang diterajui oleh industri kelengkapan pengangkutan dan logam yang direka, dijangka menyokong pertumbuhan sektor ini. Asas yang pelbagai akan menyederhanakan kesan konsolidasi yang sedang berlaku dalam industri elektronik.

Dalam industri elektronik, penilaian terkini menunjukkan bahawa kitaran menurun separa konduktor global dijangka sederhana, dengan kesan dirasai terutamanya pada separuh pertama tahun 2005. Penunjuk ke hadapan di AS termasuk tempahan baru, tempahan yang belum dipenuhi dan nisbah inventori kepada penghantaran bagi elektronik menyokong pandangan tentang kemerosotan yang sederhana. Menyedari akan peningkatan inventori elektronik disebabkan oleh pengeluaran yang berlebihan pada separuh pertama tahun 2004, pengilang-pengilang mengambil tindakan awal merasionalisasikan dan mengurangkan inventori mereka. Walau bagaimanapun, kepantasan penyelarasan inventori berbeza-beza mengikut segmen. Segmen yang berkaitan dengan komputer peribadi dijangka tumbuh semula lebih awal daripada segmen lain kerana pengeluar komputer peribadi dunia utama berjaya mengurangkan inventori mereka dengan ketara sejak suku keempat tahun 2004.

Sementara itu, permintaan global terhadap elektronik dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2005 disokong oleh pertumbuhan global yang secara relatifnya kukuh. Segmen komputer peribadi juga dijangka terus mendapat manfaat daripada permintaan yang kukuh di rantau Asia Pasifik. Pertumbuhan dalam sektor elektronik dijangka terus diperkukuh oleh trend ke arah penggunaan cip dalam perkakas pengguna yang semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan penggabungan pengkomputeran, media digital dan teknologi tanpa wayar. Oleh itu, Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada faktor-faktor positif ini memandangkan kepelbagaian keluaran elektronik dan elektrik yang diperbuat di negara ini. Yang lebih penting, syarikat multinasional utama telah memindahkan operasi pengeluaran mereka bagi sesetengah produk dengan nilai ditambah yang tinggi ke Malaysia untuk mendapat manfaat daripada kecekapan kos pengeluaran.

Pertumbuhan dalam sektor **perkhidmatan** dijangka kekal mapan sebanyak 5.7%, mencerminkan pengembangan dalam semua subsektor. Daya tahan yang meningkat adalah hasil daripada kepelbagaian sektor perkhidmatan yang semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sektor ini telah berubah daripada sektor yang bergantung kepada bidang aktiviti yang kecil berkaitan dengan perdagangan dan perkilangan kepada bidang yang lebih meluas, yang disokong oleh penggunaan dalam negeri dan pertumbuhan dalam aktiviti perkhidmatan baru yang berkaitan dengan pelancongan dan perkhidmatan sokongan perniagaan.

Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka kekal kukuh, sejajar dengan aktiviti penggunaan yang secara relatifnya kukuh serta ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Aktiviti perjalanan yang lebih tinggi dan pertumbuhan yang pesat dalam industri telekomunikasi dijangka mendorong pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pertumbuhan juga akan terus disokong oleh aktiviti yang berkaitan dengan pelabuhan, termasuk pemunggahan, selaras dengan peningkatan perdagangan yang sederhana. Bagi industri telekomunikasi, pertumbuhan akan didorong oleh bilangan pelanggan yang terus meningkat dan pengenalan produk dan perkhidmatan baru dalam segmen telefon selular. Industri ini juga akan mendapat manfaat daripada pengembangan liputan perkhidmatan telefon selular ke seluruh negara oleh syarikat pembekal selular utama dan penggabungan teknologi yang berterusan antara perkhidmatan selular dan perkhidmatan Internet dan ICT yang lain. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang dengan kukuh untuk setahun lagi, diterajui terutamanya oleh pemberian pinjaman bank yang meningkat, pendapatan berasaskan fi yang terus

bertambah dan aktiviti insurans yang memberangsangkan. Peningkatan momentum dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT dan perkhidmatan perkongsian seperti aktiviti penggunaan sumber luaran dan penggunaan sumber dalaman bagi proses perniagaan dijangka meningkatkan pertumbuhan segmen perkhidmatan perniagaan.

Sektor **pertanian** dijangka terus berkembang sebanyak 3.3% pada tahun 2005 berikutan pertumbuhan yang kukuh selama dua tahun berturut-turut. Pertumbuhan akan terus disokong oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih tinggi serta keluaran pertanian lain. Peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah dijangka didorong oleh hasil yang lebih tinggi dan perluasan kawasan matang, terutamanya di Malaysia Timur. Petani juga dijangka meneruskan amalan pertanian yang baik, mencerminkan penggunaan input pertanian untuk meningkatkan produktiviti yang didorong oleh harga yang menggalakkan. Berikutan pertumbuhan pengeluaran yang paling kukuh bagi tempoh lebih daripada 30 tahun kepada 1.19 juta tan pada tahun 2004, pengeluaran getah asli dijangka meningkat sedikit kepada 1.2 juta tan pada tahun 2005. Pekebun kecil terus mencakupi sebahagian besar daripada pengeluaran dalam keadaan harga yang kukuh. Pertumbuhan sektor pertanian juga dijangka dijana oleh bidang galakan baru, seperti tanaman makanan dan aktiviti berkaitan makanan, terutamanya perikanan, penternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor **perlombongan** dijangka bertambah kukuh kepada 5% pada tahun 2005, disokong terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi disebabkan oleh jangkaan kenaikan dalam penggunaan kapasiti loji MNLG di Sarawak bagi memenuhi permintaan global yang meningkat. Meskipun mencapai paras pengeluaran yang secara relatifnya tinggi pada tahun 2004, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) akan terus meningkat sebanyak 1.5% untuk mencapai 776,250 tong sehari pada tahun 2005 (2004: 762,300 tong sehari) pada masa permintaan global yang kukuh dan unjuran harga minyak mentah yang secara relatifnya tinggi bagi tahun tersebut.

Sektor **pembinaan** dijangka kekal lemah (-1%) disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah berikutan siapnya beberapa projek penswastaan serta perbelanjaan awam yang lebih rendah bagi projek infrastruktur. Walau bagaimanapun, aktiviti segmen kediaman dan bukan kediaman dijangka kekal kukuh. Pertumbuhan segmen kediaman dijangka terus didorong oleh permintaan mapan bagi rumah, disokong terutamanya oleh keadaan ekonomi yang terus menggalakkan. Bagi segmen bukan kediaman, pertumbuhan akan disokong oleh peningkatan permintaan bagi ruang pejabat dan perniagaan dalam keadaan aktiviti perniagaan berkaitan perkhidmatan berkembang kukuh.

Harga dan Guna Tenaga

Inflasi diunjur meningkat pada kadar purata 2.5% pada tahun 2005. Inflasi dijangka meningkat pada separuh pertama tahun ini, mencerminkan kesan sekali sahaja pelarasan harga keluaran runcit petroleum serta kenaikan cukai rokok dan tembakau yang dilaksanakan pada tahun 2004. Terdapat juga kemungkinan kesan sampingan daripada kenaikan harga komoditi dan perkembangan lain dalam sektor luar negeri. Walau bagaimanapun, kesan faktor-faktor ini terhadap inflasi dijangka sementara dan apabila kesan tersebut luput, inflasi akan menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2005. Peningkatan produktiviti yang berterusan dan pengembangan kapasiti yang berlaku dijangka membendung sebarang kenaikan tekanan inflasi. Memandangkan tekanan permintaan tidak begitu ketara, inflasi teras diramal meningkat kepada 1.8%.

Keadaan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan akan menambah lagi peluang **pekerjaan** di kebanyakan sektor ekonomi utama pada tahun 2005. Oleh itu, kadar pengangguran dijangka kekal pada paras yang rendah, iaitu 3.5%. Sementara itu, usaha terus diambil bagi membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin pertumbuhan produktiviti. Peluang latihan yang ditawarkan terus menekankan kepentingan meningkatkan kemahiran dan mempertingkatkan sumbangan nilai ditambah oleh tenaga kerja.

Graf 3.5
Harga Pengguna



r Ramalan

Imbangan Pembayaran

Bagi sektor luar negeri, lebihan **akaun semasa** dijangka kekal besar pada 14.9% daripada KNK, hasil daripada lebihan akaun perdagangan yang masih besar dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih kecil. Lebihan perdagangan dijangka kekal besar memandangkan pertumbuhan eksport yang sederhana (7%) akan diimbangi oleh pertumbuhan import (6.3%) yang lebih rendah. Perolehan akaun perkhidmatan dijangka meningkat, berikutan jumlah ketibaan pelancong yang dijangka bertambah lagi. Dalam akaun kewangan, aliran masuk modal jangka panjang yang mapan, khususnya pelaburan langsung asing (FDI), akan terus mengukuhkan keseluruhan imbangan pembayaran.

Lebihan dalam akaun semasa imbangan pembayaran dijangka kekal besar disebabkan oleh lebihan perdagangan yang besar serta defisit perkhidmatan yang lebih kecil. Aliran masuk pelaburan langsung asing dijangka terdiri terutamanya daripada perolehan yang dilabur semula oleh syarikat multinasional dan disalurkan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi di Malaysia.

Sejajar dengan konsolidasi sektor separa konduktor global, pertumbuhan dalam **eksport perkilangan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.6% (2004: 19.7%). Eksport elektronik diunjurkan berkembang sebanyak 4.5% pada tahun 2005 (2004: 12.7%) dengan beberapa segmen berkembang pada kadar yang lebih pesat, terutamanya sektor komputer peribadi, yang seterusnya akan menyokong prestasi keseluruhan sektor ini. Eksport barangan bukan elektronik dijangka terus mencatat pertumbuhan teguh (12.5%; 2004: 27%), hasil daripada permintaan yang berterusan dari RR China, terutamanya bagi keluaran berasaskan sumber, khususnya keluaran petroleum, kimia dan getah serta keluaran besi.

Eksport mineral dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.2% memandangkan perolehan daripada eksport gas asli cecair (LNG) dan minyak mentah dijangka meningkat kerana jumlah eksport yang lebih tinggi akan mengimbangi kesan kemerosotan harga. Harga eksport minyak mentah Malaysia dijangka stabil pada AS$40 setong (2004: AS$40.81). Harga minyak mentah Malaysia akan dipengaruhi terutamanya oleh trend dalam pasaran minyak global pada tahun 2005, memandangkan permintaan dan penawaran minyak global kekal diimbangi dengan baik. Harga juga disokong oleh keadaan sentimen yang meningkat disebabkan kebimbangan geopolitik. Jumlah eksport LNG dijangka bertambah dengan loji MNLG Tiga terus meningkatkan penggunaan kapasiti berikutan permintaan belian yang lebih tinggi oleh pembeli utama pada tahun 2005.

Berikutan prestasi kukuh untuk dua tahun berturut-turut, **eksport keluaran pertanian** dijangka merosot sebanyak 15.2% disebabkan oleh harga yang lebih rendah, yang akan lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam jumlah eksport. Harga eksport komoditi pertanian utama dijangka menjadi sederhana selaras dengan perkembangan global selepas mencatat prestasi yang kukuh selama dua tahun. Khususnya, harga eksport minyak sawit diramal lebih rendah pada paras RM1,200 setan (2004: RM1,706 setan) disebabkan oleh jangkaan peningkatan hasil tuaian tanaman bijirin pesaing, terutamanya minyak kacang soya, serta stok minyak sawit dalam negeri yang lebih tinggi yang dibawa ke depan dari tahun 2004. Walaupun harga getah juga

Jadual 3.5
Imbangan Pembayaran

	2004*a*	2005*r*	2004*a*	2005*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Barangan	104.5	114.8	27.5	30.2
Akaun Perdagangan	81.1	89.5	21.3	23.6
Eksport				
(% perubahan tahunan)	*20.8*	*7.0*	*20.8*	*7.0*
Import				
(% perubahan tahunan)	*26.3*	*6.3*	*26.3*	*6.3*
Perkhidmatan	-8.8	-8.0	-2.3	-2.1
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**95.7**	**106.8**	**25.2**	**28.1**
Pendapatan	-24.5	-26.4	-6.4	-6.9
Pindahan semasa	-14.6	-14.1	-3.9	-3.7
Imbangan akaun semasa	**56.6**	**66.3**	**14.9**	**17.4**
(% daripada KNK)	***13.4***	***14.9***	***13.4***	***14.9***
Akaun kewangan	15.4		4.0	
Kesilapan dan ketinggalan	11.1		2.9	
antaranya:				
Keuntungan penilaian semula tukaran asing	*8.0*		*2.1*	
Imbangan keseluruhan	**83.1**		**21.9**	

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 3.6
Eksport dan Import

	2004*a*	2005*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**480.7**	**514.4**
(% perubahan tahunan)	***20.8***	***7.0***
Barangan perkilangan	**390.4**	**424.2**
(% perubahan tahunan)	*19.7*	*8.6*
antaranya:		
Elektronik	188.6	197.2
(% perubahan tahunan)	*12.7*	*4.5*
Barangan elektrik	68.4	73.3
(% perubahan tahunan)	*23.4*	*7.1*
Kimia dan keluaran kimia	27.8	32.9
(% perubahan tahunan)	*31.0*	*18.6*
Mineral	**41.2**	**42.1**
(% perubahan tahunan)	*38.2*	*2.2*
Pertanian	**36.2**	**30.7**
(% perubahan tahunan)	*7.4*	*-15.2*
Import kasar	**399.6**	**424.9**
(% perubahan tahunan)	***26.3***	***6.3***
Barangan modal	**55.5**	**57.3**
(% perubahan tahunan)	*36.1*	*3.1*
Barangan pengantara	**287.2**	**305.0**
(% perubahan tahunan)	*22.0*	*6.2*
Barangan penggunaan	**23.2**	**25.4**
(% perubahan tahunan)	*24.1*	*9.4*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dijangka menyederhana kepada 440 sen sekilogram pada tahun 2005, namun paras harga ini secara relatif masih lagi lumayan bagi pengeluar getah dan adalah selaras dengan jangkaan pertumbuhan permintaan yang berterusan dalam pasaran antarabangsa. Eksport minyak sawit dan getah mencakupi bahagian yang besar daripada eksport pertanian (63% daripada jumlah eksport pertanian).

Pertumbuhan **import** sebanyak 6.3% dijangka terus disokong oleh pertumbuhan berterusan import barangan pengantara dan modal. Pertumbuhan import barangan pengantara disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap komponen-komponen yang diimport untuk pengembangan pengeluaran perkilangan, sebagai tindak balas terhadap pertumbuhan dalam permintaan luar negeri. Pertumbuhan import barangan modal dijangka disokong oleh aktiviti pelaburan yang sedang berjalan dan ini berpunca daripada penambahbaikan peralatan untuk teknologi baru dan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Import barangan modal industri perkhidmatan yang meningkat dijangka disokong oleh pengembangan kapasiti penjanaan kuasa dan peningkatan kapasiti serta kualiti rangkaian oleh syarikat telekomunikasi. Aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas yang lebih giat berikutan penemuan medan minyak baru akan turut menyumbang kepada pertumbuhan import barangan modal.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah baik kepada 1.8% daripada KNK. Kempen promosi yang menarik yang disasarkan kepada pelancong jarak sederhana dan jarak jauh dijangka meningkatkan perolehan pelancongan. Penambahan kapasiti oleh syarikat-syarikat penerbangan dijangka menyumbang kepada perolehan eksport yang lebih tinggi daripada perkhidmatan kargo dan penumpang. Perkembangan industri perkongsian perkhidmatan dan produk baru dalam sektor ICT dijangka terus mendorong pertumbuhan eksport perkhidmatan komputer dan maklumat serta perkhidmatan kewangan. Sementara itu, pembayaran pengangkutan dijangka lebih tinggi sejajar dengan jumlah perdagangan yang lebih tinggi dan kenaikan kadar tambang. Aliran keluar royalti dan yuran lesen dijangka meningkat, mencerminkan pemerolehan teknologi baru oleh syarikat yang mengeluarkan keluaran nilai ditambah yang lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** dijangka kekal pada 5.9% daripada KNK. Ini mencerminkan keuntungan dan dividen terakru yang lebih besar bagi syarikat multinasional (MNC). Keuntungan dan dividen terakru bagi syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri juga dijangka meningkat. Pendapatan yang lebih tinggi dijangka disumbangkan terutamanya oleh syarikat Malaysia dalam sektor minyak dan gas, perladangan dan infrastruktur.

Akaun kewangan dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh aliran masuk modal jangka panjang, khususnya FDI. Berdasarkan pengumuman mengenai pelaburan yang bakal dibuat oleh MNC, FDI dijangka disalurkan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan. Sejumlah besar FDI terus kekal dalam bentuk pelaburan semula oleh MNC. Aliran masuk ke sektor perkhidmatan, seperti sektor perdagangan borong dan runcit, serta sektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan, dijangka kekal tinggi memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan dari segi infrastruktur yang amat baik, sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran, serta insentif fiskal yang khusus. Bagi sektor minyak dan gas, penemuan baru medan minyak baru-baru ini berkemungkinan menggalakkan pelaburan yang lebih besar dalam aktiviti penerokaan dan cari gali serta pelaburan dalam aktiviti hiliran.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka kekal besar, dengan keputusan pelaburan terus didorong oleh keinginan syarikat untuk mendapat akses kepada pasaran baru dan sumber semula jadi, bagi mempelbagaikan sumber perolehan mereka dan menyokong aktiviti dalam negeri melalui integrasi menegak. Pada tahun 2005, pelaburan luar negeri dijangka kekal bersifat menyeluruh, melibatkan pelaburan dalam bidang baru dan pemerolehan kepentingan asing, khususnya dalam sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat pembinaan dijangka meningkat berikutan pemberian beberapa kontrak projek infrastruktur berskala besar serta projek perumahan dan komersial khusus kepada syarikat Malaysia, terutamanya di India, Afrika dan Asia Barat.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2005

Teras dasar monetari yang akomodatif, dalam keadaan inflasi yang rendah dan stabil, terus membantu meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Kestabilan kadar pertukaran mata wang, selaras dengan pelaksanaan rejim kadar pertukaran tetap turut memastikan prestasi yang lebih kukuh di sektor luar negeri, di samping memperkukuh prestasi ekonomi dalam negeri. Berdasarkan prospek pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mapan serta prospek luar negeri yang positif, keadaan monetari dalam negeri terus menyokong peningkatan permintaan isi rumah dan mendorong aktiviti perniagaan serta pengembangan kapasiti. Dari segi inflasi, harga pengguna dijangka meningkat pada awal tahun 2005 disebabkan oleh kesan sekali sahaja daripada perubahan dalam harga yang ditadbir, cukai barangan tembakau dan alkohol, serta kemungkinan kesan sampingan dari sektor luar negeri. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor-faktor ini dijangka hanya sementara dan kadar inflasi dijangka menjadi sederhana semula sehingga ke akhir tahun. Yang penting, peningkatan produktiviti yang berterusan, pengembangan kapasiti, serta tekanan permintaan yang tidak begitu ketara akan mengurangkan sebarang tekanan ke atas inflasi.

Teras dasar monetari pada tahun 2005 akan terus mengambil kira faktor perkembangan global dan dalam negeri. Di sektor luar negeri, pertumbuhan global yang mapan akan memastikan sektor luar negeri terus menyumbang secara positif terhadap pertumbuhan dalam negeri. Walaupun kadar pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, kadar pertumbuhan tersebut dijangka terus kukuh. Penunjuk aktiviti ekonomi negara-negara utama dan serantau kekal positif dan menjurus ke arah pengembangan aktiviti ekonomi global. Yang penting, kesan negatif daripada harga minyak mentah yang tinggi terhadap pertumbuhan dan inflasi global selama ini adalah sederhana dan tidak menggugat prospek pertumbuhan global yang berterusan. Walaupun beberapa negara utama dan serantau telah melaksanakan dasar monetari yang ketat sebagai langkah awalan, kenaikan kadar faedah adalah sederhana dan secara keseluruhan keadaan monetari terus menyokong pertumbuhan. Inflasi di kebanyakan negara tersebut dijangka menjadi lebih stabil dan sebarang kenaikan susulan dalam kadar faedah dijangka beransur-ansur dan sederhana.

Di dalam negeri, asas ekonomi adalah semakin kukuh dan permintaan dalam negeri juga lebih berdaya tahan. Perbelanjaan pengguna kekal teguh dengan pendapatan boleh guna isi rumah terus meningkat, keadaan guna tenaga yang stabil dan kos pinjaman yang rendah. Walaupun faktor-faktor ini menyumbang kepada kenaikan paras hutang isi rumah, kemampuan sektor isi rumah membayar balik hutang masih kukuh. Pinjaman tidak berbayar sektor isi rumah terus mencatat trend menurun. Oleh itu, perbelanjaan isi rumah dijangka terus meningkat dan menyumbang ke arah aktiviti ekonomi dalam negeri yang mapan.

Sementara itu, pengembangan kapasiti pengeluaran yang sedang dijalankan oleh perusahaan perniagaan dijangka berterusan. Walaupun pengembangan kapasiti dan aktiviti perniagaan yang baru oleh sektor korporat sebahagian besarnya dibiayai oleh sumber dana dalaman, terdapat tanda-tanda permintaan terhadap pembiayaan dari sumber luar juga semakin meningkat. Khususnya, permintaan terhadap pembiayaan bank untuk jangka panjang oleh perusahaan kecil dan sederhana terus meningkat pada kadar yang kukuh sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Walaupun terdapat tanda-tanda yang kukuh bahawa syarikat-syarikat besar akan terus memperoleh dana yang banyak daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan ekuiti, pembiayaan jangka panjang melalui institusi perbankan juga dijangka terus kekal sebagai sumber dana yang penting. Dengan kedudukan kewangan sektor korporat yang semakin kukuh, institusi perbankan terus memenuhi keperluan kewangan sektor perniagaan. Perkembangan yang positif ini dijangka terus membantu meningkatkan aktiviti pelaburan perniagaan, di samping memberi fleksibiliti agar konsolidasi fiskal dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan prestasi aktiviti ekonomi. Pengembangan yang berterusan dalam kapasiti pengeluaran dan peningkatan produktiviti dapat

membantu perniagaan memenuhi permintaan yang semakin meningkat, serta mengurangkan tekanan kenaikan upah dan harga.

Satu perkembangan yang penting dalam pasaran kewangan antarabangsa ialah penyusutan yang berterusan dan beransur-ansur pada nilai dolar AS berbanding dengan mata wang negara utama dan serantau, yang disebabkan oleh defisit akaun semasa dan fiskal Amerika Syarikat yang semakin membesar. Walaupun nilai ringgit juga menurun bersama-sama dolar AS, keseluruhan penyusutan ringgit secara relatif adalah kecil, setelah mengambil kira prestasi mata wang rakan perdagangan Malaysia yang utama. Dengan itu, kesan sampingan terhadap harga dalam negeri berikutan penyusutan nilai ringgit berkemungkinan sederhana sahaja. Oleh sebab nilai ringgit tidak mengalami ketidakjajaran yang ketara akibat perubahan asas ekonomi di dalam atau di luar negeri, rejim kadar pertukaran tetap terus memberi faedah yang besar kepada ekonomi Malaysia, dengan menyediakan persekitaran yang stabil untuk menyokong perdagangan dan pelaburan.

Bagi memastikan kestabilan harga dan pertumbuhan yang mapan, dasar monetari akan kekal fleksibel dan responsif terhadap trend yang muncul dalam keadaan makroekonomi. Walaupun keadaan semasa terus menyokong teras dasar monetari yang akomodatif, langkah-langkah awal akan diambil sekiranya perkembangan menunjukkan perubahan ketara dalam prospek pertumbuhan dan inflasi. Objektif dasar monetari akan terus memastikan paras kadar faedah dan mudah tunai pasaran adalah sesuai dan terus menyokong aktiviti sektor swasta.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2005

Berikutan peranan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi, konsolidasi fiskal akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan pada tahun 2005. Teras dasar fiskal pada tahun 2005 akan tertumpu ke arah mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur melalui pengurusan kewangan berhemat, sementara usaha-usaha menyokong inisiatif sektor swasta akan tertumpu pada menyediakan keadaan persekitaran yang menggalakkan bagi menyokong peningkatan produktiviti dan pengurangan kos dalam menjalankan perniagaan. Seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2005, matlamat strategi adalah untuk membangunkan sumber manusia, meningkatkan produktiviti, meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D), menyokong sumber pertumbuhan baru dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Kerajaan akan memberi penekanan pada kecekapan dalam sistem penghantaran dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Konsolidasi fiskal pada tahun 2005 akan diteruskan melalui peningkatan hasil dan pengurangan perbelanjaan.

Dari segi peningkatan hasil, tumpuan akan diberikan pada penyelarasan langkah-langkah percukaian, mempertingkatkan pentadbiran cukai dan penguatkuasaan. Satu cukai penggunaan baru akan diperkenalkan pada tahun 2007, dengan peralihan daripada cukai jualan dan perkhidmatan semasa, yang mempunyai asas yang sempit kepada cukai barangan dan perkhidmatan yang lebih komprehensif, berdasarkan konsep nilai ditambah. Cukai baru ini dijangka akan lebih cekap, telus dan meluas.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk simpanan luar jangka) diperuntukkan lebih rendah, iaitu sebanyak RM117.4 bilion. Ini merupakan penurunan sebanyak 4.2% daripada anggaran perbelanjaan pada tahun 2004, dengan perbelanjaan pembangunan berkurang sebanyak 9.1% kepada RM28.3 bilion. Keseluruhan perbelanjaan Kerajaan akan dikurangkan secara berhemat tanpa mengakibatkan implikasi buruk terhadap ekonomi. Perbelanjaan yang cekap akan dilaksanakan secara kos efektif dan memberi keutamaan kepada projek yang memberi manfaat kepada sebahagian besar rakyat terutamanya kumpulan berpendapatan lebih rendah dan penduduk luar bandar. Oleh yang demikian, projek yang tertumpu pada pengurangan jurang sosioekonomi antara penduduk luar bandar dengan bandar dan menggiatkan semula sektor pertanian, akan diberi keutamaan. Perhatian khusus juga akan diberikan untuk membangunkan infrastruktur luar bandar dan menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit fiskal yang lebih kecil sebanyak RM17.7 bilion atau 3.8% daripada KDNK pada tahun 2005. Ini mencerminkan pendirian konsolidasi fiskal dan berhemat Kerajaan. Di samping itu, sesudah mengambil kira potensi keuntungan hasil bersih sebanyak RM72 juta berikutan langkah-langkah percukaian dalam Bajet Tahun 2005, keseluruhan defisit fiskal akan menurun sedikit kepada RM17.6 bilion. Sebahagian besar pembiayaan akan diperoleh daripada pasaran dalam negeri kerana terdapat mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan.

Strategi utama Bajet Tahun 2005 ditumpukan ke arah menyokong aktiviti sektor swasta, meningkatkan potensi pengeluaran dan memperluas asas eksport

bagi menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mapan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa insentif cukai dan bukan cukai telah diperkenalkan bagi mempercepat peralihan kepada pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor utama, dengan memberi lebih penekanan kepada pertanian sebagai penjana pertumbuhan ekonomi yang ketiga, meningkatkan sektor perkhidmatan (terutamanya Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), perbankan dan kewangan Islam serta pelancongan) dan mengukuhkan sektor perkilangan. Dalam sektor pertanian dan sektor berasaskan pertanian, langkah-langkah dan insentif-insentif cukai telah diperkenalkan untuk memodenkan lagi dan mengkomersialkan sektor ini. Langkah-langkah bagi sektor perkilangan pula termasuk insentif untuk melaksanakan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi aktiviti perkilangan, penempatan semula pelaburan ke kawasan yang digalakkan, terutamanya Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta membangunkan dan mempromosikan barangan halal. Selain itu, insentif-insentif disediakan untuk membangunkan PKS sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang penting. Dua tabung utama di bawah pengurusan Bank Negara Malaysia telah ditingkatkan, sementara tabung-tabung baru telah ditubuhkan bagi meningkatkan kemampuan teknologi, perluasan pasaran, dan latihan untuk mempertingkatkan pengurusan PKS.

Langkah-langkah juga terus ditumpukan pada peningkatan kecekapan dan produktiviti negara dan daya saing secara keseluruhan bagi membolehkan syarikat-syarikat Malaysia bersaing di peringkat antarabangsa. Tumpuan insentif-insentif ini adalah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan pembangunan sumber manusia dengan memberi penekanan kepada peningkatan tenaga kerja mahir dan mewujudkan usahawan yang berkemampuan dan dinamik. Insentif-insentif juga ditumpukan untuk meningkatkan inovasi melalui tumpuan yang lebih pada R&D dan menerajui pengkomersialan R&D tempatan. Beberapa langkah telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal.

DASAR SEKTOR KEWANGAN PADA TAHUN 2005

Dalam persekitaran operasi yang semakin kompetitif dan dinamik, teras dasar sektor kewangan pada tahun 2005 akan terus tertumpu pada peningkatan daya saing sektor kewangan serta penggalakan sistem kewangan yang kukuh dan teguh, yang mampu menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Penekanan juga akan terus diberikan pada pengukuhan rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna. Usaha untuk memastikan semua segmen ekonomi mendapat akses pembiayaan yang berterusan juga merupakan usaha yang penting pada tahun 2005. Penyahkawalseliaan dan liberalisasi dalam sistem kewangan akan diteruskan dengan penerapan elemen persaingan secara berperingkat ke dalam sektor kewangan supaya tidak menjejaskan sistem kewangan dan objektif dasar secara keseluruhan.

Bagi sektor perbankan, langkah-langkah dasar akan terus tertumpu pada usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik untuk mempersiap sektor tersebut menghadapi liberalisasi dan persaingan yang lebih mencabar seperti yang digariskan dalam fasa kedua Pelan Induk Sektor Kewangan. Langkah-langkah pembinaan kapasiti yang telah dilaksanakan beberapa tahun yang lalu telah mendatangkan hasil yang positif dan usaha ini akan diteruskan pada tahun 2005 bagi memastikan prestasi institusi perbankan domestik terus meningkat. Ini termasuk inisiatif penandaarasan, yang dimulakan pada tahun 2000 dan telah memberi institusi perbankan kemampuan untuk menilai prestasi institusi tersebut berbanding dengan institusi yang setaraf serta mengenal pasti peluang-peluang yang wujud untuk mempertingkatkan prestasi masing-masing. Langkah-langkah dasar juga akan tertumpu pada peningkatan tahap persaingan dalam sistem perbankan berikutan jurang prestasi yang semakin mengecil antara institusi perbankan domestik dan asing. Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia akan diberikan lebih fleksibiliti dari segi operasi bagi membolehkan bank-bank asing tersebut menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembangunan sektor kewangan dan ekonomi secara keseluruhan.

Tahun 2005 akan menyaksikan rasionalisasi seterusnya dalam sektor kewangan dengan lebih banyak penggabungan antara entiti bank perdagangan dengan syarikat kewangan dalam sesuatu kumpulan perbankan domestik. Rangka kerja modal, pengawalseliaan dan perundangan bagi bank pelaburan akan disiapkan. Dengan pewujudan bank pelaburan, aktiviti-aktiviti serupa yang dijalankan oleh pelbagai entiti yang terlibat dalam aktiviti pasaran modal akan disepadukan di bawah satu bumbung. Ini akan menghasilkan sinergi dan ekonomi bidangan dan pengguna akan dapat menikmati perkhidmatan kewangan yang lebih meluas di satu pusat sehenti. Industri perbankan pelaburan yang dinamik dan berdaya saing akan menjadi pemangkin kepada pembangunan pasaran modal yang memberangsangkan dan cekap yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan dan transformasi ekonomi.

Pemeliharaan kestabilan sektor kewangan akan terus diberi keutamaan. Sepanjang tahun 2005, beberapa dasar utama akan dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi rangka kerja peraturan berhemat di samping memelihara keteguhan institusi perbankan. Kertas kerja konsep kedua mengenai rangka kerja penyeliaan gabungan bagi konglomerat kewangan akan dikeluarkan. Objektif rangka kerja ini adalah untuk menyediakan pendekatan yang holistik kepada pengawalselia dalam menilai kedudukan kewangan sesebuah konglomerat. Ini juga akan membolehkan pemantauan ke atas aktiviti konglomerat kewangan dengan memastikan institusi-institusi bukan penerima deposit dalam kumpulan tidak membawa risiko yang berlebihan, khususnya kepada institusi-institusi penerima deposit dan sistem kewangan secara amnya. Perbincangan yang terperinci akan diadakan dengan industri mengenai pelaksanaan Persetujuan Modal Basel Baru pada tahun 2008, dan adalah amat penting untuk memastikan kemahiran dan kepakaran yang perlu dan infrastruktur sistem disediakan bagi memastikan peralihan kepada Persetujuan Modal Basel Baru berjalan lancar. Pengurusan risiko institusi perbankan akan ditingkatkan lagi dengan penerapan risiko pasaran ke dalam rangka kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko yang perlu dipatuhi sepenuhnya oleh institusi-institusi perbankan mulai bulan April 2005.

Sebagai respons terhadap perubahan landskap kewangan dan bagi mewujudkan persekitaran operasi yang lebih fleksibel, dasar mengenai pemberian kredit kepada pelanggan individu dan pihak berkait oleh institusi-institusi perbankan serta garis panduan mengenai pinjaman tidak berbayar sedang dikaji semula. Dasar pemegangan saham juga akan dikemas kini bagi menggalakkan pemegangan saham oleh pelabur korporat dan merangsang penglibatan aktif pemegang saham. Pemegang-pemegang saham dikehendaki menjadi lebih proaktif dan memainkan peranan yang lebih teliti dalam memantau prestasi institusi-institusi perbankan dan keberkesanan Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan. Garis panduan aktiviti pengubahan wang haram dan dasar `Kenali Pelanggan Anda' juga akan dikaji semula dengan memperkenalkan langkah-langkah mengenai pembiayaan antikeganasan. Ini penting untuk memastikan integriti sistem perbankan, sebagai pengantara dana, kekal utuh dengan menentukan dana yang disalurkan menerusi sistem perbankan adalah dari sumber yang sah dan digunakan untuk tujuan yang sah. Di samping itu, amalan tadbir urus korporat yang berkesan adalah kritikal bagi memastikan institusi perbankan diurus dengan betul. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu garis panduan yang komprehensif mengenai tadbir urus korporat bagi menggantikan Garis Panduan Mengenai Keahlian Pengarah di dalam Institusi Perbankan yang sedia ada (BNM/GP1), yang antara lain, merangkumi prinsip asas tadbir urus korporat dan piawai minimum serta keperluan khusus ke atas peranan dan struktur Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan serta memastikan wujudnya semakan dan imbangan. Tumpuan juga akan diberikan ke arah usaha membangunkan kaedah dan alat tambahan bagi mempertingkatkan rangka kerja pengawasan sistem perbankan. Ini akan membantu mengenal pasti kelemahan dan tahap daya tahan di peringkat sistem dan setiap institusi.

Satu lagi teras utama bagi tahun 2005 adalah untuk terus mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Institusi-institusi perbankan akan terus menjadi penyedia utama sumber pembiayaan dalam ekonomi menerusi perkembangan berterusan dalam aktiviti pemberian pinjaman dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Usaha juga akan diteruskan bagi menggalakkan institusi-institusi perbankan menyalurkan dana kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta meningkatkan pembiayaan kepada industri pertanian dan industri berasaskan pertanian serta perusahaan mikro, yang merupakan sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk berkembang.

Langkah-langkah untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi rangka kerja pendidikan dan kesedaran pengguna serta infrastruktur perlindungan pengguna akan terus diberi keutamaan dalam usaha membangunkan sektor kewangan yang cekap, dinamik dan berdaya saing. Di bawah program pendidikan pengguna, risalah serta lembaran fakta tambahan akan diterbitkan dan program ini akan mengambil pendekatan yang lebih fokus dengan menyediakan maklumat yang khusus mengikut kumpulan-kumpulan sasaran. Di samping itu juga, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2005, institusi perbankan dikehendaki mematuhi rangka kerja mengenai perkhidmatan perbankan asas. Satu lagi langkah penting yang telah dilaksanakan pada bulan Januari 2005 ialah pelancaran Biro Pengantaraan Kewangan sebagai sebuah pusat sehenti bagi menyelesaikan pelbagai aduan daripada pengguna runcit terhadap institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Pengguna juga perlu menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka yang semakin penting dalam membuat keputusan kewangan mereka sendiri. Institusi perbankan harus memudahkan proses ini dengan membekalkan maklumat yang tepat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna supaya

pengguna dapat membuat keputusan yang lebih bermaklumat. Sehubungan dengan itu, garis panduan yang menghendaki ketelusan produk dan institusi serta pendedahan sepenuhnya akan dikeluarkan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembentukan rangka kerja yang berstruktur dan komprehensif mengenai amalan pasaran yang saksama yang akan menggalakkan persaingan yang lebih meluas dan amalan pasaran yang adil antara institusi-institusi perbankan. Di samping itu, sistem insurans deposit akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada usaha bagi mengukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna. Rangka kerja sistem insurans deposit telah disiapkan dan Bil Insurans Deposit akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

Fokus sistem pembayaran pada tahun 2005 adalah untuk meningkatkan lagi akses kepada sistem pembayaran elektronik, mempertingkatkan kecekapan dan mengukuhkan langkah-langkah keselamatan bagi menggalakkan pemindahan kepada pembayaran secara elektronik. Berikutan kejayaan besar yang dicapai oleh institusi kewangan pada tahun 2004, usaha akan diteruskan pada tahun ini untuk mempertingkatkan akses kepada sistem pembayaran elektronik dengan menggunakan saluran penghantaran yang mudah seperti perbankan internet dan ATM, serta menerusi penyediaan alat pembaca kad yang lebih meluas. Bank Negara Malaysia akan membantu dalam kerjasama sesama industri secara meluas bagi meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan urus niaga perbankan internet, mempertingkatkan mekanisme pembayaran merentas sempadan, mempromosikan piawai berkaitan pembayaran bagi memudahkan rujukan pembayaran dan meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan sistem giro antara bank bagi menambahkan penggunaannya. Rangka kerja perlindungan pengguna dalam perkhidmatan berkaitan dengan pembayaran juga akan dipertingkatkan, seperti langkah-langkah menggalakkan pemberian pinjaman kad kredit yang bertanggungjawab dan membendung hutang yang berlebihan.

Bagi sektor perbankan Islam, teras dasar utama pada tahun 2005 akan tertumpu pada pengukuhan seterusnya dalam sistem perbankan Islam sebagai satu komponen penting sistem kewangan Malaysia. Teras dasar ini akan dijuruskan pada usaha mempertingkatkan struktur keinstitusian, struktur pengawalseliaan dan peraturan berhemat, rangka kerja perundangan dan Syariah, pembangunan produk dan pasaran, dan pembangunan sumber manusia serta pendidikan pengguna. Dari segi struktur keinstitusian, pasaran perbankan Islam dijangka menjadi lebih dinamik berikutan pemberian lesen perbankan Islam kepada institusi-institusi kewangan asing serta penubuhan subsidiari perbankan Islam oleh kumpulan perbankan domestik. Langkah ini dijangka dapat merangsang persaingan dan inovasi produk dalam pasaran. Bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang semakin meningkat, Bank Negara Malaysia juga sedang mengambil inisiatif bagi mempertingkatkan modal intelek dan kepakaran dengan objektif menghasilkan lebih ramai pakar dan profesional yang berkaliber tinggi dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Bagi mempertingkatkan keberkesanan struktur pengawalseliaan dan peraturan berhemat, usaha penggubalan dasar akan memberi tumpuan pada pengukuhan rangka kerja peruntukan dan mudah tunai bagi memenuhi keperluan khusus operasi perbankan Islam. Usaha pembentukan kadar rujukan Islam yang akan menjadi tanda aras bagi penentuan harga produk perbankan Islam akan diteruskan. Bagi menggalakkan pembangunan infrastruktur perundangan, kajian semula Akta Perbankan Islam 1983 akan digiatkan secara komprehensif dan mendalam supaya selaras dengan perkembangan pasaran perbankan Islam. Ketelusan amalan perbankan yang merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kesedaran dan kepuasan pengguna akan menjadi fokus penting pada tahun ini.

Teras dasar bagi sektor institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2005 akan terus tertumpu pada usaha mempertingkatkan lagi kapasiti dan keupayaan IKP dalam memberi sokongan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor sasaran dalam ekonomi. Khususnya, usaha sedang dijalankan untuk menggabungkan Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad serta rasionalisasi aktiviti pemberian pinjaman Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Usaha rasionalisasi ini bertujuan membolehkan institusi ini beroperasi secara lebih fokus, serta membantu institusi ini berubah menjadi pakar dalam membekalkan sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada sektor sasaran yang berkenaan. Projek untuk mempertingkatkan keupayaan beberapa IKP terpilih dalam memberi khidmat nasihat kepada PKS dijangka selesai pada akhir tahun 2005. Peningkatan keupayaan IKP dalam menyediakan perkhidmatan bukan kewangan yang bermutu akan meningkatkan keberkesanan IKP tersebut dalam memenuhi keperluan PKS. Bagi melengkapkan strategi pembinaan kapasiti, usaha akan diteruskan sepanjang tahun 2005 untuk mengukuhkan lagi keteguhan kewangan dan operasi, amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko, agar dapat membangunkan kumpulan IKP yang kukuh, dinamik dan cekap, yang dapat menyokong objektif pembangunan Kerajaan dengan kos yang minimum.

Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan pentadbiran pertukaran asing bertujuan untuk menyediakan satu rangka kerja yang sesuai yang dapat mempengaruhi aliran dana modal serta memudahkan pengurusan risiko mata wang bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan ekonomi negara. Peraturan tersebut melengkapkan dasar makroekonomi secara keseluruhan dan sentiasa disemak semula sejajar dengan persekitaran yang berubah-ubah.

Pada 1 April 2004, sempena penerbitan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003, beberapa dasar pentadbiran pertukaran asing yang utama telah diliberalisasikan bagi menggalakkan kecekapan operasi perniagaan di Malaysia serta pengurusan risiko pelaburan yang lebih baik.

Berkuat kuasa 1 April 2005, Bank telah mengumumkan kelonggaran tambahan kepada peraturan pentadbiran pertukaran asing yang merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan ke arah mengurangkan kos pengendalian perniagaan, memperbaiki sistem penghantaran pengawalseliaan serta menggalakkan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik oleh pemastautin dan bukan pemastautin, di samping menggalakkan pembangunan pasaran pertukaran asing dalam negeri. Ini bagi menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan dan ekonomi negara. Liberalisasi tersebut meliputi perkara-perkara yang berikut:

(i) Kontrak Tukaran Asing Hadapan oleh Pemastautin dan Bukan Pemastautin

Bagi membolehkan perusahaan perniagaan dan individu mengurus risiko mereka dengan berkesan, pemastautin dan bukan pemastautin boleh mengikat kontrak tukaran asing hadapan dengan bank perdagangan dan bank Islam berlesen tempatan (bank berlesen tempatan) dan bank saudagar yang diluluskan tanpa perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal) untuk membeli atau menjual mata wang asing untuk ringgit atau mata wang asing yang lain seperti yang berikut:

- **Pemastautin** kini dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran asing hadapan bagi melindungi nilai perkara-perkara yang berikut-
  (a) Pendedahan dalam mata wang asing bagi pelaburan luar negeri yang dibenarkan;
  (b) Pembayaran untuk pelaburan luar negeri yang dibenarkan;
  (c) Pembayaran balik prinsipal dan pembayaran faedah untuk kemudahan kredit mata wang asing (dalam negeri atau luar pesisir) yang akan dibayar dalam tempoh 24 bulan; dan
  (d) Perolehan eksport yang dijangka serta pembayaran import yang dijangka bagi barangan dan perkhidmatan, berdasarkan nilai jumlah perolehan eksport dan pembayaran import bagi 12 bulan sebelumnya.

  Dengan fleksibiliti tersebut, pemastautin kini boleh melindungi nilai semua aliran masuk dan aliran keluar yang terikat dan yang dijangka bagi urus niaga akaun semasa (iaitu pembayaran untuk eksport dan import barangan dan perkhidmatan, dan pendapatan) serta aliran masuk dan aliran keluar yang terikat bagi urus niaga akaun modal (contohnya pembayaran bagi pelaburan luar negeri dan pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin atau bayaran balik kemudahan kredit daripada bukan pemastautin) serta melindungi nilai pelaburan luar negeri mereka.

- Selain itu, **bukan pemastautin** kini turut dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran asing hadapan bagi aliran dana yang terikat seperti yang berikut:
  (a) Penghantaran balik perolehan pelaburan dari Malaysia; dan
  (b) Pembelian aset dalam denominasi ringgit di Malaysia.

(ii) Penyelenggaraan Akaun Mata Wang Asing oleh Pemastautin dan Penukaran Ringgit kepada Mata Wang Asing untuk Dikreditkan ke dalam Akaun Mata Wang Asing

Peraturan berkaitan penyelenggaraan akaun mata wang asing oleh pemastautin juga turut diliberalisasikan lagi bagi memudahkan pengurusan aliran wang tunai yang lebih berkesan serta untuk meningkatkan kecekapan perniagaan.

- Pemastautin kini bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri untuk sebarang tujuan, kecuali untuk menyimpan perolehan eksport. Dengan fleksibiliti tersebut, pemastautin boleh menyimpan perolehan mata wang asing yang diterima (selain perolehan eksport) dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri, tanpa had semalaman ke atas akaun tersebut.

- Syarikat pemastautin yang menyelenggarakan akaun mata wang asing dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri dikehendaki mengemukakan penyata bulanan Akaun Luar Negeri (Statement OA) kepada Pengawal.

- Pemastautin juga boleh menukar ringgit kepada mata wang asing untuk dikreditkan ke dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri seperti yang berikut :
  (a) Sebarang jumlah oleh pemastautin (syarikat atau individu) yang tidak mempunyai sebarang kemudahan kredit dalam negeri;
  (b) Sehingga RM10 juta bagi setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat oleh syarikat pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri; dan
  (c) Sehingga RM100,000 bagi setiap tahun kalendar oleh individu pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri.

- Pemastautin juga kini bebas untuk menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan. Had yang kini dikenakan ke atas akaun mata wang asing eksport, dimansuhkan.

Dengan pemansuhan had ini, secara efektif semua akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan (kecuali akaun mata wang asing untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan di luar negeri oleh pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri) adalah bebas daripada had semalaman.

- Had agregat semalaman yang dikenakan ke atas akaun mata wang asing untuk pendidikan dan pekerjaan di luar negeri yang diselenggara oleh pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri kekal seperti yang berikut-
  (a) AS$150,000 masing-masing untuk akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan atau bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan
  (b) AS$50,000 untuk akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank luar negeri.

(iii) Kemudahan Kredit Dalam Negeri kepada Syarikat Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC)

Had RM50 juta bagi jumlah kemudahan kredit yang boleh diberi oleh pemastautin kepada sesebuah NRCC serta keperluan nisbah penggearan 3 : 1 yang dikenakan ke atas NRCC bagi peminjaman dalam negerinya yang melebihi RM50 juta, dimansuhkan. Dengan pemansuhan ini, pemastautin kini bebas untuk memberi kemudahan kredit dalam denominasi ringgit tanpa had kepada NRCC.

(iv) Pelaburan Luar Negeri

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi pengurusan dana dan memberi peluang perniagaan yang pelbagai, peraturan ke atas pelaburan luar negeri oleh pemastautin juga telah diliberalisasikan.

- Pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit dalam negeri kini bebas untuk membuat sebarang jumlah pelaburan ke luar negeri. Pelaburan tersebut boleh dibuat melalui penukaran ringgit atau daripada dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negeri. Pelaburan luar negeri yang dibiayai oleh pinjaman dalam mata wang asing dihadkan kepada jumlah yang bersamaan RM10 juta sahaja pada satu-satu masa.

- Pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri juga bebas untuk melabur ke luar negeri menggunakan dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negeri. Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk menukar ringgit kepada mata wang asing untuk pelaburan luar negeri sehingga had-had yang berikut:-
  (a) Sehingga RM10 juta bagi setiap tahun kalendar oleh syarikat berdasarkan kumpulan korporat; dan
  (b) Sehingga RM100,000 bagi setiap tahun kalendar oleh individu pemastautin.

  Bagi syarikat yang menukar ringgit untuk pelaburan luar negeri, ia mesti mempunyai dana pemegang saham minimum sebanyak RM100,000 dan mestilah telah beroperasi selama sekurang-kurangnya satu tahun.

  Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk membiayai pelaburan luar negeri dengan pinjaman dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM10 juta pada satu-satu masa.

- Had yang dibenarkan untuk pelaburan luar negeri oleh syarikat amanah saham dinaikkan ke 30% dari 10% daripada jumlah Nilai Aset Bersih (NAV) yang dilanggan oleh pemastautin. Pengurus dana/aset kini boleh membuat sebarang jumlah pelaburan luar negeri bagi pelanggan pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit dalam negeri dan sehingga 30% pelaburan pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri. Dana-dana tersebut boleh digabungkan untuk pelaburan luar negeri. Pelaburan-pelaburan sedemikian perlu sejajar dengan garis panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

- Syarikat insurans dan pengendali takaful pemastautin juga dibenarkan untuk membuat pelaburan luar negeri sehingga 30%, dinaikkan dari 10% daripada jumlah NAV dana berkaitan pelaburan yang mereka pasarkan. Pelaburan-pelaburan ini juga tertakluk kepada pematuhan peraturan berhemat insurans dan takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- Kesemua fleksibiliti di atas adalah tertakluk kepada pendaftaran dengan Pengawal terlebih dahulu bagi sebarang pelaburan luar negeri yang melebihi nilai yang bersamaan RM50,000.

(v) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

Untuk menambah kecekapan pengurusan perniagaan di Malaysia, had bagi pemastautin memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bukan pemastautin, bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen di Malaysia, telah dinaikkan daripada had semasa yang bersamaan RM5 juta.

- Syarikat pemastautin, berdasarkan kumpulan korporat, kini dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM50 juta.

- Pemastautin individu dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM10 juta.

- Fleksibiliti di atas adalah tertakluk kepada pendaftaran dengan Pengawal terlebih dahulu, bagi sebarang kemudahan kredit dalam mata wang asing yang melebihi RM1 juta.

- Pemastautin boleh membuat prabayaran ke atas kemudahan kredit mata wang asing mereka tertakluk kepada prabayaran tersebut didaftarkan dengan Pengawal sebelum sebarang pembayaran dibuat.

- Pemastautin juga boleh menggunakan jumlah sehingga agregat bersamaan RM10 juta kemudahan kredit mata wang asing mereka untuk membiayai aktiviti pelaburan luar negeri.

(vi) Aktiviti Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang Diluluskan

Sejajar dengan kelonggaran yang diberikan kepada pemastautin untuk menyimpan perolehan eksport dan pelaburan luar negeri serta kebebasan untuk memperoleh kemudahan kredit dalam negeri oleh NRCC, OHQ juga kini dibenarkan:

- Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing mereka dengan bank berlesen tempatan;

- Memperoleh kemudahan kredit dalam denominasi ringgit tanpa had dari sumber-sumber dalam negeri; dan

- Membiayai aktiviti pelaburan luar negeri mereka, termasuk pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin dengan menukar sehingga RM10 juta kepada mata wang asing dalam satu tahun kalendar sekiranya mereka mempunyai kemudahan kredit dalam negeri.